

29 JAN 1996

UMNO SABAH SEBULAT SUARA BANTAH PENGGILIRAN JAWATAN KM

KOTA KINABALU, 29 Jan (Bernama) -- Umno Sabah hari ini menafikan laporan kononnya ada pemimpin peringkat bahagian parti itu yang tidak sependapat berhubung cadangan penggiliran jawatan Ketua Menteri negeri itu.

Setiausaha Perhubungan Umno Sabah, Datuk Yahya Hussin berkata sebaliknya kesemua 20 bahagian Umno, pada mesyuaratnya Sabtu lepas, sebulat suara membantah cadangan berkenaan.

"Dengan ini tidak timbul soal hanya enam bahagian Umno tidak menyokong penggiliran jawatan berkenaan," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Sebuah akhbar tempatan semalam melaporkan hanya enam bahagian parti itu membantah cadangan berkenaan manakala sembilan bahagian lagi mahu menyerahkannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk diputuskan.

Laporan itu juga menyebut lima bahagian yang lain tidak dapat memutuskan pendirian mereka sama ada untuk menyokong atau membantah penggiliran jawatan berkenaan.

Yahya juga menyifatkan laporan berkenaan sebagai hanya rekaan untuk menunjukkan Umno Sabah tidak sehaluan dalam perkara itu. -- BERNAMA